

Tahap Kesiediaan Dan Keperluan Latihan Guru Dan Hubungannya Dengan Kemampuan Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21

(Level Of Readiness And Teacher Training Needs And Its Relationship With The Ability To Implement 21st Century Teaching And Learning)

Cecilia Kong Pick Chien^{1*}, Mohamed Yusoff Mohd Nor¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: irisisz_89@yahoo.com

Accepted: 15 December 2020 | Published: 31 December 2020

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PdP Abad Ke-21 di bilik darjah dan tahap keperluan latihan guru untuk menambahbaik dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pelaksanaan PAK21 ini. Selain itu, kajian ini akan meninjau sejauh mana kemampuan guru-guru melaksanakan PdP Abad-21 di bilik darjah. Berdasarkan kajian lepas, didapati bahawa guru bersedia melaksanakan PAK21 tetapi kurangnya pengetahuan dan pemahaman tentang PAK21 telah membataskan pelaksanaannya di sekolah. Penggunaan elemen PAK21 juga kurang disebabkan kurangnya keyakinan dalam menggunakan ICT di bilik darjah. Dapatan kajian lepas tentang keperluan latihan guru telah menyokong kepada penambahbaikan pembangunan profesional guru dalam usaha melaksanakan PAK21 dengan lebih berkesan di sekolah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan guru ($\text{min}= 3.84, S.P= 0.51$) dan keperluan latihan guru ($\text{min}= 3.63, S.P= 0.69$) terhadap pelaksanaan PAK21 masing-masing adalah pada tahap sederhana tinggi. Ujian Korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan tahap kesediaan dan keperluan latihan guru yang signifikan terhadap kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21, iaitu pada $r= 0.831$. Ini menunjukkan bahawa kesediaan dan keperluan latihan guru mempunyai hubungan yang positif dan kuat dengan kemampuan melaksanakan PAK21 di Daerah Song. Kesimpulannya, guru memerlukan latihan dan bimbingan daripada tenaga pakar untuk meningkatkan dan memantapkan pengetahuan sedia ada tentang pelaksanaan PAK21 agar mereka mampu melaksanakan PAK21 yang boleh meningkatkan kemahiran dan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, pihak PPD dan pihak sekolah boleh mengambil tindakan yang seterusnya sebagai usaha dalam meningkatkan dan memantapkan lagi pelaksanaan PAK21 di sekolah.*

Kata kunci: tahap kesediaan guru, tahap keperluan latihan guru, pelaksanaan PAK21

Abstract: *This study aims to identify the level of teacher readiness to implement 21st Century Teaching and Learning in the classroom and the level of teacher training needs to improve and enhance their knowledge and skills to implement PAK21. This study also will identify the teacher's ability to implement PAK21. Based on the previous studies, the teachers are ready to implement PAK21 but the lack of knowledge and understanding about PAK21 has limited the implementation in schools. The application of PAK21's elements is less due to the lack of*

confidence using ICT in the classroom. The findings on teacher training needs have supported the improvement of teacher professional development as an effort to implement PAK21 more effectively in schools. This study is a quantitative survey that uses a questionnaire to collect data. The results showed that the teacher readiness (mean= 3.84, SD= 0.51) and the teacher training needs (mean= 3.63, SD= 0.69) on the implementation of PAK21 were both at a moderately high level. Pearson Correlation Test showed that there is a significant relationship between the level of readiness and teacher training needs on the ability to implement PAK21, which $r= 0.831$. This shows that the readiness and teacher training needs have a positive and strong relationship with the ability to implement PAK21 in Song District. In conclusion, teachers need a training and guidance from the experts to improve and strengthen their knowledge, so that they are able to implement PAK21 which can improve students' academic skills and achievement. Therefore, the PPD and school administrators can take further action as an effort to improve and strengthen the implementation of PAK21 in schools.

Keywords: teacher readiness, teacher training needs, implementation of PAK21

1. Pengenalan

Daya saing di peringkat global yang semakin sengit menyebabkan sistem pendidikan di Malaysia diperkasakan dan berusaha untuk mentransformasikan semua peringkat. Proses transformasi adalah meliputi semua aspek kritikal dalam pendidikan termasuklah pengajaran dan pembelajaran pelajar, pengambilan dan latihan guru dan cara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) beroperasi (KPM, 2013). Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami peralihan daripada fokus tradisional dalam pengetahuan dan kemahiran kognitif kepada penambahan elemen Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta pengamalan nilai murni dan etika ke dalam amalan pengetahuan dan kemahiran kognitif sedia ada. Sukatan pelajaran untuk semua mata pelajaran telah diubahsuai dengan memasukkan elemen PAK21.

Dalam menyediakan PAK21, guru mesti mempunyai pengetahuan dalam teori pendidikan dan pengurusan kelas serta boleh mengenal pasti cara mempersiapkan pelajar mereka agar bersedia untuk bersaing dalam ekonomi global (Salleh et al., 2015). Pencapaian PAK21 memerlukan komitmen para guru dalam membuat persediaan untuk pelajar mereka menguasai kandungan mata pelajaran, komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreatif dan celik teknologi. Oleh itu, tahap kesediaan dan pengetahuan guru dalam PAK21 telah memegang peranan yang penting untuk memastikan elemen dan kemahiran PAK21 dapat disampaikan kepada pelajar di bilik darjah.

Di samping itu, tahap keperluan latihan guru juga penting dalam memastikan guru bersedia dan berpengetahuan serta berkemahiran dalam melaksanakan PAK21 ini. Menurut Kazmi et al. (2011), latihan dalam perkhidmatan (LDP) untuk para guru membolehkan mereka menjadi lebih bersestematik dan logik dalam gaya pengajaran mereka di bilik darjah. LDP merangkumi dua elemen utama iaitu melengkapi keperluan pembelajaran pelajar dan dapat memastikan perkembangan peribadi dan kerjaya staf akademik (Mohamad, 1996). LDP juga dapat mengubah sikap dan kemahiran guru, dan meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar. Guru yang kurang berpengetahuan atau kemahiran tersebut memerlukan latihan dalam mengintegrasikan sumber-sumber pengajaran baharu tersebut (Almerich et al., 2011).

Keperluan latihan guru dapat dikenal pasti berikutan tahap kesediaan mereka agar guru-guru boleh dilengkapi dengan informasi yang berguna melalui latihan-latihan yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak KPM pada masa akan datang untuk memastikan para guru mampu melaksanakan PdP Abad Ke-21 di bilik darjah, seiring dengan perkembangan pendidikan dalam era globalisasi ini.

1.1 Pernyataan Masalah

Yunos (2015) menyatakan bahawa guru menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha mempraktikkan kemahiran Abad Ke-21 ke dalam setiap pelajar semasa waktu PdP yang terhad. Hal ini agak sukar kerana setiap pelajar mempunyai tahap pengetahuan, semangat, motivasi, tingkah laku dan gaya pembelajaran yang berbeza.

Salehudin et al. (2015) pula menyatakan bahawa guru perlu mengubah pendekatan dan teknik mengajar yang tradisional kepada pedagogi yang berpusatkan pelajar yang kreatif di mana ia berfokus kepada kemahiran berfikir dan pembelajaran sendiri berasaskan ICT. Tetapi kegagalan PdP yang berkesan adalah disebabkan oleh guru tersebut mempunyai kepakaran yang rendah dalam merancang strategi pengajaran dan kurang memahami kandungan kurikulum yang baharu (Puteh et al., 2012). Mahamod (2011) juga menyatakan bahawa ramai guru telah gagal dalam mengintegrasikan elemen dan kemahiran PAK21 ke dalam pengajaran mereka.

Tahap kesediaan guru di Johor Bahru adalah sederhana bagi aspek kognitif, afektif dan sikap dalam melaksanakan PdP Abad Ke-21 dalam bilik darjah (Abdullah, 2017). Kajian tersebut mendapati bahawa guru mesti mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dari aspek sikap dan afektif supaya PAK21 dapat dijalankan dengan lancar. Oleh itu, Jusoh dan Osman (2018) menyatakan bahawa guru Sains sekolah rendah di Kuala Pilah yang mengamalkan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) Sains memerlukan latihan untuk memperkasakan pengetahuan dan penguasaan sedia ada seiring dengan era globalisasi walaupun mereka mempunyai pengetahuan sedia ada yang luas sebagai seorang guru.

Kajian lepas tentang tahap kesediaan dan keperluan latihan guru dalam melaksanakan PAK21 pernah dijalankan sebelum ini dan hasil dapatan kajian lepas adalah pelbagai mengikut sampel dan lokasi kajian. Kajian-kajian tersebut tidak dapat menggambarkan situasi pelaksanaan PAK21 di Sarawak dan jarang dilakukan. Dengan itu, kajian ini ingin mengenal pasti tahap kesediaan dan keperluan latihan guru dan hubungannya dengan kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21 di Daerah Song, Sarawak.

1.2 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenal pasti tahap kesediaan guru-guru terhadap pelaksanaan PdP Abad Ke-21.
- ii. Menenal pasti tahap keperluan latihan guru-guru terhadap pelaksanaan PdP Abad Ke-21.
- iii. Menenal pasti hubungan antara tahap kesediaan guru-guru dengan kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21.

1.3 Soalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap kesediaan guru-guru terhadap pelaksanaan PdP Abad Ke-21?
- ii. Apakah tahap keperluan latihan guru-guru terhadap pelaksanaan PdP Abad Ke-21?
- iii. Sejauh manakah hubungan antara tahap kesediaan guru-guru dengan kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21?

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan agar dapat memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terutamanya PPD Song dalam usaha menambahbaik dan mempertingkatkan keperluan latihan guru melaksanakan PAK21 dengan memberi bimbingan dan menyediakan para guru dengan informasi dan ilmu pengetahuan tentang pelaksanaan PAK21 yang berkesan di sekolah masing-masing. Di samping itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman dan gambaran tentang sejauh mana tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PAK21 di sekolah selepas PAK21 diperkenalkan dan diimplementasi di peringkat Daerah Song. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh menjadi rujukan pengkaji pada akan datang.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya melibatkan guru sekolah rendah di Daerah Song sahaja. Sampel kajian akan dipilih secara rawak dari 16 buah sekolah rendah di Daerah Song. Skop kajian ini hanya tertumpu kepada mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PAK21, tahap keperluan latihan guru untuk melaksanakan PAK21 dan sejauh mana hubungan tahap kesediaan guru dengan kemampuan melaksanakan PAK21 di sekolah.

2. Ulasan Kajian Lepas

2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)

Kajian Obidike (2017) mendapati bahawa faktor seperti penyampaian pengajaran yang berpusatkan pelajar, menggalakkan penglibatan pelajar dalam PdP, strategi penilaian yang jelas, penggunaan strategi pengurusan tingkah laku yang positif dan bukti-bukti pembelajaran pelajar telah menjadi indikator kepada amalan guru di bilik darjah yang berkualiti tinggi.

Dapatan kajian Ibrahim et al. (2019) melaporkan bahawa guru mesti menggunakan teknologi dalam bilik darjah dengan menyelaraskannya dengan kandungan pelajaran dan pedagogi yang digunakan. Selain itu, kajian mendapati bahawa guru perlu kreatif dalam mempelbagaikan jenis penilaian dalam menilai prestasi pelajar seperti penilaian formatif, sumatif dan kerja berasaskan projek. Seterusnya, kajian tersebut mendapati bahawa PAK21 memerlukan guru menjadi pelajar sepanjang hayat kerana mereka perlu meningkatkan diri menjadi individu yang berfikiran kritis dan kreatif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar.

2.2 Tahap Kesediaan Guru

Kajian Rusdin (2018) mendapati bahawa guru-guru tersebut kurang memahami PAK21 menyebabkan kemahiran PAK21 tersebut sukar dipraktikkan semasa PdP dijalankan. Kajian ini berpendapat bahawa pembangunan profesional seperti latihan, seminar dan bengkel sangat diperlukan oleh para guru dalam meningkatkan pengetahuan, mutu pengajaran dan penilaian PAK21.

Obidike (2017) turut mencadangkan beberapa penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti amalan guru di sekolah rendah. Antaranya adalah guru perlu berpengetahuan dan memahami isi kandungan pelajaran, mengikuti perkembangan pelajar, mengamalkan penilaian yang berterusan, mempelbagaikan kaedah pengajaran dan menggalakkan pembelajaran yang berkolaboratif.

Di samping itu, kajian Goh dan Blake (2015) mendapati bahawa guru-guru perlu seiring dengan pembangunan standard pembelajaran agar mereka dapat menyampaikan PAK21 dan memberikan pengalaman kepada pelajar.

2.3 Tahap Keperluan Latihan Guru

Dalam kajian Julaihi dan Hamdan (2020), hasil kajian menunjukkan bahawa guru sedar akan kepentingan teknologi dalam PAK21, tetapi teknologi jarang diaplikasikan ke dalam PdP kerana mereka kurang yakin menggunakan semasa menyampaikan kandungan pelajaran di dalam bilik darjah. Kajian mendapati bahawa perkara sebegini menunjukkan guru sangat memerlukan latihan dalam perkhidmatan (LDP) untuk membangunkan profesional dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran mereka.

Obidike (2017) menyatakan bahawa latihan, seminar dan bengkel dalam perkhidmatan sangat penting dan ia perlu diatur secara berkala dan sentiasa ditawarkan kepada guru secara konsistem supaya guru boleh meningkatkan pengetahuan dan prestasi mereka dalam PdP. Perkara ini turut disokong oleh kajian Tuncel dan Cobanoglu (2018), di mana pembangunan profesional dan komunikasi perlu dipertimbangkan bersama sebagai sebahagian latihan yang tidak dapat dipisahkan. Program LDP harus dijalankan dengan berkesan di mana jurulatih atau penceramah dan para guru dapat bekerjasama.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan kuantitatif berbentuk deskriptif. Penyelidikan kuantitatif merupakan kaedah kajian yang berkaitan dengan nombor dan sesuatu yang boleh diukur dengan kaedah yang bersistematik dalam menyelidik sesuatu fenomena dan hubungannya (Leedy, 1993). Data kajian dikutip menggunakan instrumen kajian borang soal selidik secara atas talian (*online*).

3.1 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Song, Sarawak. Populasi kajian adalah terdiri daripada 60 orang guru sekolah rendah daripada 16 buah Sekolah Kebangsaan di Daerah Song, Sarawak. Daripada populasi kajian tersebut, sampel kajian ditentukan menggunakan formula Krejcie dan Morgan (1970) untuk membuat anggaran saiz sampel. Dengan itu, seramai 52 orang responden kajian telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden kajian ini.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen kajian borang soal selidik secara atas talian (*online*) melalui *Google Form*. Borang soal selidik ini mengandungi 3 bahagian. Bahagian A tentang kesediaan guru (Pra-Latihan), Bahagian B tentang keperluan latihan guru (Pembangunan Profesional) dan Bahagian C adalah tentang matlamat guru (Matlamat). Skala Likert dengan pilihan 5 skala iaitu dari skala 1 sehingga skala 5 sesuai digunakan dalam mengumpul data tentang sikap, emosi dan motivasi (Chua, 2013). Dengan itu, pengkaji menggunakan Skala Likert pilihan 5 skala yang mewakili 'Sangat Tidak Setuju' sehingga 'Sangat Setuju' dalam borang soal selidik untuk mengumpul data tentang tahap kesediaan guru dan tahap keperluan latihan guru serta kemampuan pelaksanaan PAK21. Hasil kajian rintis menunjukkan indeks realibiliti bagi borang soal selidik yang telah dibina adalah nilai >0.6 . Hal ini menunjukkan bahawa terdapat konsistensi dalaman yang bermaksud instrumen tersebut adalah stabil apabila nilai Cronbach Alpha adalah >0.6 (di atas 0.6) (Sujarweni, 2014).

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kaedah statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data bagi persoalan kajian 1 dan persoalan kajian 2. Dengan itu, min dan sisihan piawai akan digunakan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dan tahap keperluan latihan terhadap pelaksanaan PdP Abad Ke-21

berdasarkan data yang telah diperoleh. Dengan itu, pengkaji telah menggunakan interpretasi skor min oleh Nunnally dan Bernstein (1994) seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally & Bernstein (1994)

Jadual 2: Nilai Skor Min bagi Dimensi Pra-Latihan dan Pembangunan Profesional

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pra-Latihan	3.84	0.51	Sederhana Tinggi
Pembangunan Profesional	3.63	0.69	Sederhana Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, nilai skor min bagi dimensi Pra-Latihan yang berkaitan dengan kesediaan guru terhadap pelaksanaan PAK21 dan dimensi Pembangunan Profesional yang berkaitan dengan kesediaan guru terhadap pelaksanaan PAK21 akan dihuraikan dengan lebih lanjut semasa menjawab persoalan kajian.

Persoalan kajian 1: *Apakah tahap kesediaan guru-guru terhadap pelaksanaan PdP Abad Ke-21?*

Jadual 3: Taburan Kekerapan dan Peratusan Item berdasarkan Dimensi Pra-latihan

Item	(STS)	(TS)	(AS)	(S)	(SS)
Dimensi Pra-Latihan (Min= 3.84, S.P= 0.51)	Tahap Sederhana Tinggi				
1. Saya tahu bahawa kemahiran PAK21 sangat penting dalam menentukan kejayaan pelajar di tempat kerja pada masa akan datang.	0 0%	0 0%	3 5.8%	27 51.9%	22 42.3%
2. Saya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan kemahiran PAK21 di bilik darjah.	0 0%	0 0%	15 28.8%	29 55.8%	8 15.4%
3. Saya mempunyai pengetahuan dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar melalui PAK21.	0 0%	0 0%	27 51.9%	25 48.1%	0 0%
4. Saya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan pelbagai kemahiran PAK21 untuk menarik perhatian pelajar.	0 0%	0 0%	20 38.5%	24 46.2%	8 15.4%
5. Saya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dalam PAK21.	0 0%	0 0%	14 26.9%	31 59.6%	7 13.5%
6. Saya mempunyai pengetahuan tentang PAK21 untuk dikongsikan dengan rakan sekerja saya.	0 0%	0 0%	20 38.5%	27 51.9%	5 9.6%

Berdasarkan Jadual 3, kajian tentang kesediaan guru-guru terhadap pelaksanaan PAK21 di Song adalah pada tahap yang sederhana tinggi iaitu min = 3.84 dan sisihan piawai = 0.51. Seramai 42.3% guru sangat setuju bahawa mereka tahu bahawa kemahiran PAK21 sangat penting dalam menentukan kejayaan pelajar di tempat kerja pada masa akan datang. 55.8% guru setuju mempunyai pengetahuan menggunakan kemahiran PAK21 di bilik darjah. Namun, 51.9% guru agak setuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar melalui PAK21. Sebanyak 46.2% guru setuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan dalam menggunakan pelbagai kemahiran PAK21 untuk menarik

perhatian pelajar. 59.6% guru setuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan dalam menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dalam PAK21 dan 51.9% guru setuju mempunyai pengetahuan tentang PAK21 untuk dikongsikan dengan rakan sekerja.

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa guru di Daerah Song kurang bersedia dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar melalui PAK21 walaupun mereka tahu bahawa kemahiran PAK21 sangat penting dalam menentukan kejayaan pelajar pada masa akan datang. Pengkaji berpendapat bahawa untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar melalui PAK21, guru-guru berupaya menyediakan pengajaran yang mempunyai elemen dan kemahiran PAK21 dan berjaya menyampaikan isi pembelajaran tersebut semasa sesi PdP berlangsung.

Hal ini menunjukkan bahawa guru di Daerah Song masih kurang mengamalkan elemen dan kemahiran PAK21 ke dalam sesi PdP mereka. Mahamod (2011) turut menyatakan bahawa masih banyak guru yang gagal mengaplikasikan elemen dan kemahiran PAK21 ke dalam pengajaran mereka. Hal ini telah menyebabkan pelajar kurang memiliki kemahiran Abad Ke-21 dalam menghadapi cabaran dan menentukan kejayaan mereka pada masa akan datang.

Selain itu, pengkaji juga berpendapat bahawa guru kurang bersedia dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar melalui PAK21 kerana guru masih mempunyai kepakaran yang rendah dalam merancang sesi PdP yang mengintegrasikan elemen PAK21. Puteh et al. (2012) menyatakan bahawa sesi PdP yang berkesan gagal dilaksanakan adalah disebabkan oleh guru mempunyai kemahiran yang rendah dalam merancang strategi pengajaran dan kurang memahami kandungan kurikulum yang baharu.

Persoalan kajian 2: *Apakah tahap keperluan latihan guru-guru terhadap pelaksanaan PdP Abad Ke-21?*

Jadual 4: Taburan Kekerapan dan Peratusan Item berdasarkan Dimensi Pembangunan Profesional

Item	(STS)	(TS)	(AS)	(S)	(SS)
Dimensi Pembangunan Profesional (Min= 3.63, S.P= 0.69) Tahap Sederhana Tinggi					
7. Saya sentiasa menyediakan aktiviti yang menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar saya semasa sesi PdP.	0 0%	14 26.9%	20 38.5%	18 34.6%	0 0%
8. Saya sentiasa menyediakan aktiviti yang menggalakkan pemikiran kritikal dalam kalangan pelajar saya semasa sesi PdP.	0 0%	0 0%	29 55.8%	23 44.2%	0 0%
9. Saya sentiasa menyediakan aktiviti yang menggalakkan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar saya semasa sesi PdP.	0 0%	0 0%	19 36.5%	32 61.5%	1 1.9%
10. Saya sentiasa menyediakan aktiviti yang menggalakkan komunikasi dan kerjasama dalam kalangan pelajar saya semasa sesi PdP.	0 0%	9 17.3%	7 13.5%	35 67.3%	1 1.9%
11. Saya sentiasa menyediakan bahan pembelajaran dan memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar abad ke-21.	0 0%	0 0%	28 53.8%	24 46.2%	0 0%
12. Saya sentiasa menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dalam PAK21.	0 0%	0 0%	16 30.8%	29 55.8%	7 13.5%
13. Saya yakin menggunakan teknologi sebagai alat PdP dalam pembelajaran abad ke-21.	0 0%	9 17.3%	8 15.4%	34 65.4%	1 1.9%

14. Saya sentiasa menilai kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP.	0 0%	13 25%	13 25%	26 50%	0 0%
--	---------	-----------	-----------	-----------	---------

Berdasarkan Jadual 4, kajian tentang keperluan latihan guru-guru terhadap pelaksanaan PAK21 adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu pada min = 3.63 dan sisihan piawai = 0.69. Sebanyak 38.5% guru agak setuju bahawa mereka sentiasa menyediakan aktiviti yang menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP tetapi 26.9% guru tidak setuju dengan pernyataan tersebut. 44.2% guru agak setuju bahawa mereka menyediakan aktiviti yang menggalakkan pemikiran kritikal dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP. Selain itu, 61.5% guru setuju dalam menyediakan aktiviti yang menggalakkan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP. Sebanyak 67.3% guru setuju yang mereka menyediakan aktiviti yang menggalakkan komunikasi dan kerjasama dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP tetapi 17.3% guru tidak setuju dengan pernyataan tersebut. 53.8% guru agak setuju bahawa mereka menyediakan bahan pembelajaran dan memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar abad ke-21 dan 55.8% guru setuju bahawa mereka sentiasa menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dalam PAK21. 65.4% guru setuju bahawa mereka yakin menggunakan teknologi sebagai alat PdP dalam pembelajaran abad ke-21 tetapi 17.3% guru tidak setuju dengan pernyataan itu. Akhir sekali, 50% guru setuju bahawa mereka sentiasa menilai kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP tetapi 25% guru tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Hal ini telah menunjukkan bahawa guru-guru di Daerah Song masih kurang menyediakan aktiviti yang menggalakkan kreativiti dan inovasi, dan aktiviti yang menggalakkan komunikasi dan kerjasama. Selain itu, mereka kurang menilai kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar dan mereka juga kurang yakin menggunakan teknologi sebagai alat PdP dalam PAK21. Dengan itu, pengkaji telah mendapati bahawa guru-guru di Daerah Song masih memerlukan latihan terhadap pelaksanaan PAK21 sebagai salah satu pembangunan profesional yang mesti dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa amalan mengintegrasikan elemen dan kemahiran PAK21 ke dalam sesi PdP guru di sekolah masih sederhana kerana penyediaan aktiviti yang menggalakkan kreativiti dan inovasi, komunikasi dan kerjasama, dan penilaian kemahiran abad Ke-21 dalam kalangan pelajar masih kurang dilaksanakan semasa sesi PdP. Ibrahim et al. (2019) berpendapat bahawa guru perlu kreatif dalam mempelbagaikan jenis penilaian dalam menilai prestasi pelajar seperti penilaian formatif, sumatif dan kerja berasaskan projek. Seterusnya, PAK21 memerlukan guru menjadi pelajar sepanjang hayat kerana mereka perlu meningkatkan diri menjadi individu yang berfikiran kritis dan kreatif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar. Dengan itu, guru yang mempunyai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif akan menjadi contoh kepada pelajar yang diajar apabila guru berupaya menyediakan aktiviti yang kreativiti dan inovasi semasa sesi PdP. Di samping itu, kemahiran komunikasi dan kerjasama dalam kalangan pelajar juga dapat dipupuk melalui aktiviti yang kreatif dan inovatif tersebut.

Pengkaji juga berpendapat bahawa aktiviti yang menggalakkan kreativiti dan inovasi, komunikasi dan kerjasama, dan amalan penilaian kurang dilaksanakan oleh para guru kerana guru masih kurang berpengetahuan dan yakin tentang kemahiran PAK21 di mana tahap kesediaan guru terhadap kemampuan melaksanakan PAK21 di Daerah Song masih pada tahap sederhana tinggi. Pernyataan ini disokong oleh Rusdin (2018) yang mendapati bahawa guru-guru tersebut kurang memahami PAK21 menyebabkan guru kurang yakin dan kemahiran

PAK21 tersebut sukar dipraktikkan semasa PdP dijalankan. Dengan itu, beliau berpendapat bahawa pembangunan profesional seperti latihan, seminar dan bengkel sangat diperlukan oleh para guru dalam meningkatkan pengetahuan, mutu pengajaran dan penilaian PAK21. Oleh itu, pengkaji bersetuju bahawa guru di Daerah Song memerlukan latihan dalam perkhidmatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran PAK21 sedia ada yang mampu menyokong guru melaksanakan PAK21 pada masa akan datang.

Soalan kajian 3: *Sejauh manakah hubungan antara tahap kesediaan guru-guru dengan kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21?*

Ujian Korelasi Pearson telah digunakan untuk menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian 3 yang ingin mengetahui hubungan antara tahap kesediaan guru-guru dengan kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21 di Daerah Song.

Jadual 5: Hubungan antara Tahap Kesediaan Guru dengan Kemampuan Pelaksanaan PAK21

		Keperluan Latihan Guru (Pembangunan Profesional)
Kesediaan Guru (Pra-Latihan)	Korelasi Pearson	0.831**
	Sig. (2-hujung)	0.000
	N	52

** korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2 hujung)

Berdasarkan dapatan kajian daripada Ujian Korelasi Pearson dalam Jadual 5, kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru-guru mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan dengan kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21, $r(51) = 0.831$, $p < 0.001$. Dengan itu, kajian ini telah menolak hipotesis nol (H_0) dan menerima hipotesis alternatif (H_1).

Kajian mendapati bahawa terdapat hubungan tahap kesediaan dan keperluan latihan guru yang signifikan terhadap kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21 dalam kajian ini. Hal ini dapat dilihat apabila tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PAK21 berdasarkan dimensi Pra-Latihan adalah pada tahap sederhana tinggi seperti yang telah diterangkan oleh pengkaji dalam menjawab persoalan kajian 1.

Kemampuan pelaksanaan PAK21 di Daerah Song pula dapat dilihat melalui dapatan analisis data bagi menjawab persoalan kajian 2, di mana guru-guru masih kurang menyediakan aktiviti yang menggalakkan kreativiti dan inovasi, komunikasi dan kerjasama dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP. Di samping itu, amalan penilaian terhadap kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP turut kurang dilakukan oleh para guru dan mereka kurang yakin menggunakan teknologi sebagai alat PdP dalam PAK21.

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa guru-guru di Daerah Song masih memerlukan latihan terhadap pelaksanaan PAK21 sebagai salah satu pembangunan profesional yang mesti dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa guru memerlukan latihan kerana kesediaan guru terhadap pelaksanaan PAK21 adalah pada tahap sederhana tinggi di mana ia belum lagi mencapai pada tahap tinggi. Banyak ruang pengetahuan dan kemahiran guru yang masih boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar mereka mampu melaksanakan PAK21 di bilik darjah dengan baik dan berkualiti.

Obidike (2017) menyatakan bahawa latihan, seminar dan bengkel dalam perkhidmatan sangat penting dan ia perlu dianjurkan secara berkala dan sentiasa ditawarkan kepada guru secara konsisten supaya guru boleh meningkatkan pengetahuan dan prestasi mereka dalam PdP.

Penyataan tersebut turut disokong oleh Julaihi dan Hamdan (2020), bahawa guru sangat memerlukan latihan dalam perkhidmatan (LDP) dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran mereka. Dengan itu, pengkaji bersetuju bahawa pembangunan profesional yang berterusan sangat penting bagi guru untuk menguasai bidang kerjayanya dengan mempelajari dan mempraktikkan gaya, teknik dan kemahiran PdP yang baharu daripada yang sedia ada.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dan tahap keperluan latihan guru terhadap kemampuan pelaksanaan PAK21 di Daerah Song masing-masing berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan purata min bagi tahap kesediaan guru adalah 3.84 dan purata min bagi tahap keperluan latihan guru adalah 3.63. Hal ini menunjukkan bahawa amalan pelaksanaan PAK21 guru masih kurang berbanding dengan pengetahuan sedia ada guru tentang PAK21. Hal ini bermakna kemampuan guru melaksanakan PAK21 di bilik darjah masih kurang walaupun mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran sedia ada tentang PAK21. Hasil dapatan daripada Ujian Korelasi Pearson telah menunjukkan hubungan tahap kesediaan dan keperluan latihan guru yang signifikan terhadap kemampuan pelaksanaan PdP Abad Ke-21, iaitu pada $r = 0.831$. Oleh itu, pihak PPD boleh mengambil tindakan selanjutnya sebagai usaha dalam meningkatkan dan memantapkan lagi pelaksanaan PAK21 di Daerah Song. Bengkel, seminar atau taklimat terhadap pelaksanaan PAK21 boleh dianjurkan untuk membantu guru-guru. Selain itu, pihak pentadbir sekolah boleh memberi kerjasama dalam mengatasi kekangan yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan PAK21 ini.

Rujukan

- Abdullah A.H. (2017). Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran dan Pengajaran Abad Ke-21. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru
- Almerich G., Suarez J.M., Belloch C. & Bo R.M. (2011). *Training Needs of Teachers in ICT: Training Profiles and Element of Complexity*. RELIEVE 17(2):1-27
- Chua Y.P. (2013). *Research Statistics: Data Analysis for Survey Research, Book 3 (2nd Edition)*. McGraw-Hill Education, Shah Alam.
- Goh P.S.C. & Blake D. (2015). *Teacher Preparation in Malaysia: Needed Changes*. *Teaching in Higher Education* 20(5): 469-480
- Ibrahim N. & Dalim S.F., Sueb R. & Adzra'ai A. (2019). *Trainee Teachers' Readiness Towards 21st Century Teaching Practices* 15:110-120
- Julaihi N.H. & Hamdan A. (2020). *Malaysian Secondary School Teachers' Readiness in Implementing 21st Century Learning (PAK21)*. *DEStech Transactions on Social Science, Education and Human Science*.
- Kazmi S.F., Pervez T. & Mumtaz S. (2011). *In-Service Teacher Training in Pakistani Schools and Total Quality Management (TQM)*. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* 2: 238-248.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya
- Krejcie R.V. & Morgan D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610
- Leedy P.D. (1993). *Practical Research: Planning and Design, 5th Ed*. New York: Mackmillan Publishing Company.

- Mahamod Z. (2011). Memperkasakan Guru, Mempercepat Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Abad Ke-21. Prosiding Seminar Bahasa Melayu Singapura, 1-30. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura
- Mohamad A.R. (1996). *Staff Development: Creating a Learning Culture*. Jurnal Pendidikan Gerak 8.
- Nunnally J.C. & Bernstein I.H. (1994). *Psychometric Theory 3rd Edition*. New York: Mc.Graw-Hill Inc.
- Obidike N. (2017). *Factor Affecting Teacher Quality Practices in Primary Schools in Awka Educational Zone, Anambra State*. *African Journal of Teacher Education* 5(1): 42-56
- Osman B.H.A. & Basar M.N. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 10: 1-25
- Puteh M., Ibrahim M.H., Adnan M., Che Ahmad C.N. & Mohamed N. (2012). *Thermal Comfort in Classroom: Constraints and Issues*. *Procedia Social and Behavioral Sciences Journal* 46: 1834-1838.
- Rusdin N.M. (2018). *Teachers' Readiness in Implementing 21st Century Learning*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8(4): 1293-1306
- Salehudin N.N., Hassan N.H. & Hamid N.A.A (2015). Matematik dan Kemahiran Abad Ke-21: Perspektif Pelajar. *Jurnal Pendidikan Matematik* 3(1): 24-36
- Salleh M.F.M., Kassim K.A., Ismail M.H. & Abdullah N. (2015). *The Exploration of Malaysian Pre-Service Science Teachers' Knowledge of Sustainable Development*. *Advanced Science Letters* 21(7): 2504-2508
- Sujarweni V.W. (2014). *Metodologi Penelitian*. Pustaka Baru Press, Yogyakarta.
- Taherdoost H. (2016). *Sampling Methods in Research Methodology: How to Choose a Sampling Technique for Research*. *International Journal of Advance Research in Management* 5(2): 18-27
- Tuncel Z.A. & Cobanoglu F. (2018). *In-Service Teacher Training: Problems of the Teachers as Learners*. *International Journal of Instruction* 11: 159-174
- Yunos M. (2015). Hubungan Sikap dan Persepsi pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Kemahiran Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(2): 22-30